

Taklimat Rancangan Tempatan Daerah**19 JANUARI 2009**

19 Januari 2009, satu taklimat ringkas Rancangan Tempatan Daerah telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama Majlis Daerah Maran. Taklimat tersebut telah dihadiri oleh hampir 50 orang mahasiswa dan mahasiswi Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan 3 orang pensyarah dari institusi berkenaan yang bertujuan membantu dalam membuat kajian bagi proses pengajian mereka. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Sukri Baharom selaku Pegawai Perancang OSC di Majlis Daerah Maran.



Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad

Audit Nilai**20 FEB 2009**

20 Februari 2009, seramai 112 orang responden telah dipilih untuk menjalani ujian soal selidik audit nilai tahun 2009. Sesi soal selidik ini telah diketuai oleh Encik Shaharin Akil serta dibantu oleh Puan Mazaitun Hani Zainon dan Puan Shahrani Saazai Mat Saad. Soal selidik Audit Nilai dilaksanakan setiap tahun mulai 2008 berdasarkan **Arahan Y.A.B Perdana Menteri Siri 7, No 1 Tahun 2007 iaitu Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai dalam Perkhidmatan Awam**. Arahan tersebut telah berkuatkuasa mulai 6 Februari 2007.

Antara kriteria yang diambil kira adalah rekod amalan nilai, indeks nilai ideal, indeks nilai peribadi, indeks nilai organisasi dan juga maklumbalas pelanggan. Objektif umum bagi audit nilai seperti yang digariskan oleh Jabatan

Perkhidmatan Awam ialah untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang dicerminkan menerusi amalan nilai-nilai murni



Dilaporkan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad

Sukan antara rumah BAKEP**17 FEBRUARI 2009**

17 Februari 2009, Disamping mencungkil bakat-bakat atlet terpendam, sukan antara rumah yang dianjurkan oleh Biro Sukan Badan Kebajikan dan Sukan Pekerja MDM juga telah berjaya mengeratkan lagi silaturrahim antara kakitangan – kakitangan MDM. Penglibatan keseluruhan kakitangan MDM telah dibahagikan kepada 4 kumpulan rumah sukan iaitu Topaz, Delima, Nilam dan juga Zamrud. Semangat kesukanan dan berpasukan jelas ketara apabila masing-masing turun padang memberikan sokongan padu kepada kumpulan mereka.

Berikut merupakan keputusan ringkas yang diperolehi daripada aktiviti – aktiviti sukan yang dilaksanakan pada tahun semasa :

Acara Sukan	Tarikh Acara	Pasukan Pemenang
Bola Jaring	13 – 15 April 2009	Delima
Tarik Tali	13 – 15 April 2009	Tiada keputusan
Bola Sepak	13 – 15 April 2009	Topaz
Badminton	12 – 18 April 2009	Delima
Dart	9 – 11 Mac 2009	Topaz
Ping Pong	9 – 11 Mac 2009	Topaz
Sepak Takraw	14 – 17 Mac 2009	Topaz



Disediakan oleh : Muhammad Hisham Said

Ceramah Agama**20 FEBRUARI 2009**

Dibawah perancangan Jabatan Khidmat Pengurusan MDM, telah menjadualkan sesi ceramah agama diadakan pada setiap hari Jumaat minggu ketiga bagi setiap bulan. Motif utamanya adalah untuk memberi input keilmuan kepada kakitangan Majlis Daerah Maran disamping menjadi salah satu alternatif kearah menjaga kebajikan rohaniah kakitangan. Pihak

pentadbiran telah bersetuju bahawa Tuan Pegawai Agama Daerah Maran sebagai penceramah tetap bagi sesi – sesi ceramah agama tersebut. Secara kesimpulannya didapati impak positif telah ditunjukkan oleh kakitangan – kakitangan yang menghadiri ceramah agama tersebut.



Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad

Lawatan 5S ke MD Pekan & Sukan Persahabatan**24 FEBRUARI 2009**

24 Februari 2009, Seramai 20 orang kakitangan Majlis Daerah Maran telah membuat lawatan kerja ke Pejabat Majlis Daerah Pekan, Pahang. Tujuan utamanya adalah untuk melihat keberkesanan pelaksanaan Amalan 5S ditempat kerja. Rombongan telah diberikan taklimat yang padat mengenai cara Majlis Daerah Pekan melaksanakan amalan 5S. Seterusnya rombongan juga dibawa melawat sekitar pejabat untuk melihat sendiri amalan 5S yang telah dilaksanakan disana.

Dikesempatan itu juga, pihak MDM dan MDP mengambil peluang yang ada untuk mengadakan perlawanan persahabatan sukan bola dan badminton. Perlawanan badminton yang sengit telah berpihak kepada MDM dengan kemenangan 4 berbalas 3. Manakala bagi

perlawanan bola pula kemenangan menjadi milik MDP dengan mata 7 – 2.

**Mesyuarat penubuhan koperasi****4 MAC 2009**

4 Mac 2009, Pengerusi Badan Kebajikan dan Sukan Pekerja Majlis Daerah Maran (BAKEP) telah menjemput wakil dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk memberikan taklimat ringkas mengenai cara-cara dan syarat untuk menubuhkan koperasi. Suruhanjaya tersebut yang diwakili oleh Encik Azhar bin Sulong menerangkan jenis-jenis koperasi yang boleh diwujudkan contohnya koperasi wanita, koperasi qariah masjid, koperasi kejurangan, koperasi homestay dan sebagainya serta proses penubuhannya.

Badan Kebajikan dan Sukan Pekerja Majlis Daerah Maran (BAKEP) sangat berminat dan dalam pertimbangan

untuk menubuhkan koperasi untuk kemudahan ahli-ahli yang mencarum. Usul penubuhan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Agung untuk dibincangkan dan dipersetujui oleh ahli-ahli BAKEP



Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad

Majlis Penyampaian Sijil MS ISO MDM

3 MAC 2009

3 Mac 2009, Bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Maran berlangsungnya acara yang bersejarah iaitu Majlis Penyampaian Sijil MS ISO 9001:2000 Majlis Daerah Maran dan Pelancaran kearah Pensijilan MS ISO Pejabat Daerah dan Tanah Maran. Upacara gilang gemilang ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Muhammad Safian bin Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Acara dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, Negeri Pahang, Perkhidmatan Awam serta bacaan doa oleh Pegawai Agama Islam Daerah Maran. Majlis diteruskan lagi dengan acara kemuncak iaitu Gimik Pelancaran Penyampaian Sijil MS ISO 9001:2000 Majlis Daerah Maran dan Pelancaran kearah Pensijilan MS ISO Pejabat Daerah dan Tanah Maran.

Seterusnya penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sesi 2008 kepada 9 kakitangan Majlis Daerah Maran dan 10 orang kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Maran. Mereka telah menerima sijil penghargaan dan juga wang tunai berjumlah RM1000 sebagai tanda penghargaan organisasi terhadap perkhidmatan cemerlang yang telah ditunjukkan.



Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad



Prosedur Kualiti
Kawalan Dokumen
Pengurusan Rekod Kualiti
Audit Dalaman
Tindakan Pembetulan
Tindakan Pencegahan
Kawalan Penghasilan Produk & Penyampaian Perkhidmatan yang tidak Memenuhi Spesifikasi

Dokumen Wajib
Manual Kualiti

Prosedur Kualiti Sokongan
Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bajet
Pembayaran Emolumen Kakitangan & Tuntutan Pembekal
Maklumbalas Pelanggan
Perolehan
Latihan
Penilaian Prestasi
Pengesahan Jawatan & Kemasukan Skim Berpencen
Penyelenggaraan ICT
Pembangunan Laman Web
Kawalan Operasi Pengkomputeran
Penyelenggaraan Bangunan & Kemudahan-kemudahan

Prosedur Kualiti Operasi
Permohonan bagi Kebenaran Merancang
Permohonan Pelan Pra Hitungan
Tambahan/Pindaan Bangunan (Industri & Perniagaan)
Tambahan/Pindaan Bangunan (Kediaman)
Terimaan Hasil
Pengeluaran Lesen Komposit
Pengeluaran Lesen Penjaja
Pengeluaran Permit Pekan Sehari/Pasar Malam & Pasar Tani
Pengeluaran Permit Berniaga Sementara
Pengeluaran Lesen /Permit Iklan

Pengendalian Kerja-Kerja Kecemasan
Penguatkuasaan Undang-undang
Pengurusan Sitaan
Penyediaan Dokumen Perjanjian
Pembaikan Kerosakan Peralatan & Kemudahan Elektrik
Pembaikan Kerosakan Bangunan & Infrastruktur Sewaan Peralatan & Kemudahan
Nilaian Tuntutan Caruman Bantu Kadar
Pengurusan Pengecualian Cukai Taksiran Am
Pemilihan Tawaran Gerai MDM
Pengendalian Permohonan Cadangan Pemajuan

Publisiti Awal Rancangan Tempatan Daerah 2008 – 2020**5 MAC 2009**

5 Mac 2009, YB Dato' Haji Tan Mohd Aminuddin bin Ishak, ADUN Chenor telah menyempurnakan Majlis Perasmian Publisiti Awal Rancangan Tempatan Daerah Maran 2008 – 2020 yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Maran. Seramai lebih kurang 150 orang peserta yang hadir ke majlis berkenaan. Peserta terdiri daripada wakil – wakil dari setiap jabatan kerajaan dan orang ramai. Majlis ini merupakan kerjasama antara Majlis Daerah Maran dengan Jabatan Perancangan Bandar



dan Desa yang bertujuan untuk mewarwarkan dan membuat perancangan bagi membangunkan Daerah Maran.

Antara yang menarik perhatian pengunjung adalah imej satelit Bandar Jengka dan Maran yang dibawakan khas oleh JPBD. Peserta –


peserta kemudiannya dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan elemen – elemen pembangunan yang ingin diserapkan dalam perancangan pembangunan Daerah Maran. Majlis tersebut ditamatkan dengan persembahan hasil perbincangan dari setiap kumpulan dan penyampaian hadiah kepada 3 kumpulan pembentangan yang terbaik.



Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad

Taklimat LA 21**3 APRIL 2009**


Taklimat Local Agenda 21 telah diselitkan di dalam Mesyuarat Penuh bil 3/2009 pada 3 April 2009 yang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Majlis Daerah Maran. Taklimat ini disampaikan oleh wakil dari Jabatan Kementerian



Perumahan, Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Tujuan taklimat ini adalah untuk memberi pendedahan kepada ahli – ahli majlis dan ketua – ketua jabatan berkaitan dengan pelaksanaan LA 21.

Diterangkan oleh pembentang tersebut bahawa Local Agenda 21 (LA21) merupakan suatu program yang menekankan penglibatan 3 pihak

iaitu PBT, masyarakat dan sektor swasta bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka kearah pembangunan mampan dan kualiti hidup yang lebih baik.



Disediakan oleh : Habsah Mat Jabar

Taklimat Amalan 5S**6 APRIL 2009**

Taklimat Amalan 5S telah disampaikan oleh Encik Nik Faisal Nik Ahmad mewakili Malaysia Productivity Corporation (MPC) pada 6 April 2009 bertempat di Bilik Mesyuarat MDM. Kesemua kakitangan yang merupakan bakal pelaksana amalan 5S ini terlibat dalam mendengar taklimat tersebut. Kakitangan telah diterangkan tentang kepentingan amalan 5S, cara – cara pelaksanaannya, keberkesanan 5S terhadap organisasi dan sebagainya. Hasil taklimat ringkas amalan 5S tersebut, kini kakitangan telah bersedia mental dan fizikal untuk perubahan kearah pengamalan 5S ditempat kerja masing – masing.



Disediakan oleh : Muhammad Hanafiah Mohd Tahir

Ekspedisi berakit Sungai Pahang**24 MEI 2009**

24 – 28 Mei 2009, Ekspedisi Berakit Sungai Pahang 2009 telah bermula di Daerah Lipis dan berakhir di Daerah Pekan. Pasukan Majlis Daerah Maran telah diwakili seramai 9 orang kakitangan untuk menyertai ekspedisi berprestij ini. Setelah bermandi peluh selama 5 hari akhirnya pasukan MDM Berjaya merangkul tempat kelima daripada 100 pasukan yang menyertai dan membawa gelaran Anugerah

Keringat Emas. Pihak pengurusan MDM sangat berpuas hati dengan kejayaan pasukan berakit MDM yang julung – julung kalinya menyertai ekspedisi sebegini.



Disediakan oleh : Muhammad Hisham Said

Peristiwa Ribut Maran**16JUN2009**

16 Jun 2009, hujan lebat disertai ribut selama kurang 10 minit telah menyebabkan kerosakan yang agak teruk di sekitar Bandar Maran. Beberapa batang pokok dilokasi yang berbeza telah patah dan tumbang ditiup angin. Beberapa buah rumah juga rosak dihempap pokok dan atap rumah berterbangan akibat angin yang kencang. Tindakan pantas Unit Tindakan Khas (UTK) Majlis Daerah Maran terpaksa bergegas kebeberapa lokasi dengan segera untuk membersihkan kawasan-kawasan yang terlibat. Antara lokasi

yang terlibat adalah berhadapan Dewan Budaya, hadapan Klinik Kesihatan Maran, Persisiran Sungai Maran, di Kompleks Sukan, Jalan Kampung Bak-bak dan beberapa lokasi lain.



Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad

Sumbangan mangsa ribut**18JUN2009**

18 Jun 2009, bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Maran telah diadakan Penyampaian Sumbangan Mangsa Ribut kepada kediaman – kediaman individu yang telah rosak teruk akibat ribut melanda sekitar daerah Maran pada 16 Jun 2009 yang lalu. Sumbangan wang tunai tersebut disampaikan oleh YB Dato' Haji Munawar bin Abdul Jalil. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Pegawai Daerah yang baru Encik Fadzilla Salleh.



Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad

Majlis serah tugas Pegawai Daerah Maran**8 JUN 2009**

8 Jun 2009, Daerah Maran kini sekali lagi mengalami revolusi baru kerana dikejutkan dengan pertukaran YB Dato' Hajah Mariam binti Ismail yang merupakan Pegawai Daerah Maran merangkap Yang DiPertua Majlis Daerah Maran. Beliau yang telah berkhidmat selama 10 bulan di Maran ini akan mengembangkan kariernya ke Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan sebagai Pegawai Daerah disana. Majlis Serah Tugas Pegawai Daerah Maran ini telah diserikan lagi dengan kehadiran YB Dato' Muhammad Safian bin Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang untuk memperkenalkan Pegawai Daerah Maran yang baru iaitu Encik Fadzilla bin Haji Salleh. Beliau yang berasal dari Raub akan mula menjalankan tugas mulai 8 Jun 2009.



Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad

Mesyuarat 'Exit Conference' Audit Pengurusan**22JUN2009**

Pada 24 Mac 2009 telah diadakan 'Entrance Conference' di Bilik Mesyuarat MDM oleh Jabatan Audit Negara Cawangan Pahang untuk memulakan pengauditan keatas pengurusan kewangan Majlis Daerah Maran bagi tahun 2008.



Antara tujuan pengauditan ini dilakukan adalah untuk membuat rumusan mengenai tahap pengurusan kewangan MDM berdasarkan indeks akauntabiliti dengan menentukan samada

wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan serta pungutan hasil yang berkesan, perbelanjaan, wang amanah, aset serta inventori. Selain itu, ia juga menitikberatkan dari segi pematuhan undang-undang dalam menguruskan kewangan serta memastikan rekod-rekod yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan sentiasa dikemaskini. Pada 22 Jun 2009 pula telah berlangsungnya 'Exit Conference' Audit Pengurusan Kewangan bagi membentangkan hasil penemuan pengauditan. Secara keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan MDM memuaskan pada tahap 2 bintang.

Disediakan oleh : Norhayati Jaafar

Audit Dalaman**23JUN2009**

Sesi audit dalaman telah diadakan pada 23 – 25 Jun 2009 bertujuan bagi memenuhi kehendak MS ISO Majlis Daerah Maran. Seramai 20 orang juruaudit dalaman yang diketuai oleh Puan Norfadzlina Munaji sebagai Ketua Audit Dalaman telah terlibat untuk mengaudit semua prosedur yang terdapat di dalam dokumen prosedur MS ISO 9001:2000 Majlis Daerah Maran. Hasil pengauditan telah dikompil dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) seperti kehendak MS ISO. Auditee telah diberi tempoh untuk memperbetulkan ketidakpatuhan yang ditemui.



Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2008**3 MAC 2009**

Tahniah diucapkan kepada barisan kakitangan yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Sebagai tanda penghargaan Majlis Daerah Maran diatas kecemerlangan perkhidmatan tersebut, jabatan telah memperuntukkan wang tunai bernilai RM1000 setiap seorang beserta sijil penghargaan. Diharap kakitangan dapat meneruskan perkhidmatan berkualiti bagi memastikan impian Perdana Menteri Malaysia iaitu **“1 Malaysia, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”** dapat dicapai.

Berikut merupakan senarai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2008.

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Encik Muhammad Hisham Said	Pembantu Undang – undang
2	Encik Jafri Long	Pembantu Penguatkuasa
3	Puan Mahidah Zakaria	Juruteknik Perancang Bandar
4	Encik Shahreil Dahan	Pembantu Kesihatan Awam
5	Puan Aizulwani Abdul Manaf	Pembantu Tadbir (P/O)
6	Cik Nor Rusazni Mohammad Yunus	Pembantu Tadbir (P/O)
7	Encik Yusof Abdul Wahab	Pemandu Kenderaan
8	Encik Badrul Hisyam Jamaluddin	Pekerja Rendah Awam
9	Encik Abdul Wahab Omar	Pekerja Rendah Awam

Disediakan oleh : Shahrani Saazai Mat Saad



Perkahwinan

Habsah Mat Jabar & Mohd Hamidi Mohd Kasim

13 Jun 2009

Kelahiran

Mahidah Zakaria

MUHAMMAD WAJIB MUHAMMAD KHAIRI
27 / 01 / 2009

Kharul Ahmad Azuan Ali

MUHAMMAD LEKANDAR KHARUL AHMAD AZUAN
13 / 02 / 2009

Norhayati Bakar

NURIKMAH BANISHA ALIAS
23 / 02 / 2009

Shahrani Saazai Mat Saad

WAFIQ SHARIFE MOHD ARIJ
14 / 03 / 2009

Kamaruddin Soh

PUPRI NUR KAMILIA KAMARUDDIN
30 / 04 / 2009

Shaiful Asri Samat

MUHAMMAD HARITH SHAIFUL ARIJ
6 / 06 / 2009



HADITH PILIHAN

Islam adalah agama tolong menolong

Hadis diriwayatkan oleh al-Imam Muslim dengan lafaz ini.

Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi SAW, Baginda telah bersabda:

Barangsiapa yang melepaskan seorang mukmin daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah akan melepaskannya daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan Qiamat. Barangsiapa yang mempermudah bagi orang susah, nescaya Allah akan mempermudah baginya di dunia dan di akhirat. Barangsiapa yang menutup ke'aiban seorang muslim, nescaya Allah akan menutup ke'aibannya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa bersedia menolong hambaNya selagi mana dia suka menolong saudaranya. Barangsiapa yang melalui suatu jalan untuk menuntut ilmu, nescaya Allah akan mempermudah baginya suatu jalan menuju ke syurga. Sesuatu kaum tidak berkumpul di salah sebuah rumah-rumah Allah (iaitu masjid) sambil mereka membaca Kitab Allah dan mengkajinya sesama mereka melainkan suasana ketenangan akan turun ke atas mereka, rahmat akan melitupi mereka dan mereka akan di kelilingi oleh para malaikat dan Allah akan menyebut (perihal) mereka kepada orang-orang yang berada di sisiNya. Barangsiapa yang terlambat amalannya, nescaya nasab keturunannya tidak mampu mempercepatkannya.

Sumber rujukan : www.halaqah-online.com

INFO ICT

Virus komputer adalah nama yang diambil dari [virus biologi](#), merupakan [program komputer](#) yang berupaya menyalin dirinya sendiri dan menjangkiti komputer tanpa kebenaran ataupun pengetahuan pengguna. Bagaimanapun perkataan virus biasanya digunakan bagi merujuk kepada pelbagai jenis perisian perosak yang berlainan. Virus yang asal mungkin mengubah suai salinannya atau salinan itu sendiri yang mengubah suai dirinya, seperti dalam [virus metamorf](#). Virus hanya boleh tersebar apabila hosnya sampai ke komputer lain, contohnya melalui rangkaian atau perantara mudah alih seperti [cakera liut](#), [cakera padat](#) atau [pemacu kilat USB](#). Selain itu, virus juga boleh merebak dengan menjangkiti fail pada [sistem fail rangkaian](#) atau mana-mana sistem fail yang dicapai komputer lain.

Sesetengah virus direka untuk menjejaskan komputer dengan merosakkan [atur cara](#), menghapuskan fail, atau memformat semula [cakera keras](#), manakala virus-virus yang lain direka bukan untuk merosakkan apa-apa, tetapi hanya untuk menyalin diri dan mungkin untuk menonjolkan kewujudannya melalui pemaparan teks, video, atau pesanan audio. Walaupun virus yang kedua ini tidak berbahaya, ia juga boleh menimbulkan masalah kepada pengguna komputer kerana ia menelan [ingatan komputer](#) yang digunakan oleh atur cara yang sah. Oleh yang demikian, ia seringnya mengakibatkan tindakan yang tidak menentu dan boleh mengakibatkan kerosakan sistem. Selain itu, banyak virus juga mengandungi [pepijat](#) yang boleh mengakibatkan kerosakan sistem dan [kehilangan data](#).

Virus komputer kadangkala dikelirukan dengan [cecacing komputer](#) dan [kuda Trojan](#). Kedua-dua ini berbeza dari segi bahawa cecacing boleh merebak ke komputer yang lain tanpa memerlukan dipindahkan sebagai sebahagian fail perumah, manakala kuda Trojan adalah fail yang kelihatan tidak berbahaya sehingga dilaksanakan. Berbeza dengan virus, kuda Trojan juga tidak memasukkan kodnya ke dalam fail-fail komputer yang lain.

Banyak [komputer peribadi](#) kini dihubungkan dengan [internet](#) serta [rangkaiannya kawasan setempat](#) dan dengan itu, memudahkan perebakan virus. Ia mengambil kesempatan yang diberikan oleh perkhidmatan rangkaian seperti sistem-sistem [Jaringan Sejagat](#), [e-mel](#), dan [pengongsian fail](#) untuk merebak dan dengan itu, mengaburi perbezaan antara virus dengan cecacing komputer. Tambahan pula, sesetengah sumber menggunakan istilah alternatif yang mentakrifkan virus sebagai mana-mana bentuk [perisian jahat](#) penyalinan diri.

Sumber : http://ms.wikipedia.org/wiki/Virus_komputer